

RM5b termasuk keseluruhan program PICK

PUTRAJAYA: Peruntukan sebanyak RM5 bilion bagi Program Immunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) adalah termasuk jumlah keseluruhan kos pelaksanaan program itu.


Badan Bertindak Covid-19 Kebangsaan (CITF) berkata, peruntukan bagi pembelian vaksin hanya meliputi jumlah sebanyak RM3.5 bilion sebagaimana dijelaskan dalam kenyataan media sebelum ini.

Jelasnya, ketika ini jumlah itu adalah mencukupi untuk memberikan vaksin kepada 120 peratus populasi negara meliputi 38.5 juta penduduk.

“Kebanyakan pembelian vaksin melibatkan dua dos, sekali gus jumlah pembelian dos adalah sebanyak 73.5 juta dos dan bukannya sebanyak 32 juta dos sebagaimana didakwa oleh seorang pengguna Facebook, Irwan Sanei yang gagal menggandakan dua kali jumlah populasi (dua dos).”

“Segala dakwaan Irwan Sanei yang dikongsi secara meluas di media sosial hari ini (semalam) adalah jelas tidak benar dan mengelirukan,” katanya dalam kenyataan semalam.

Menurut CITF, sebagai perbandingan dengan Singapura, negara terbabit telah membelan-



ORANG ramai hadir untuk mendapatkan suntikan dos pertama vaksin AstraZeneca di Pusat Pemberian Vaksin IDCC Shah Alam, Selangor, semalam. - UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI

jakan SGD1 bilion (RM3.1 bilion) untuk 507 juta populasi mereka (11.4 juta termasuk dua dos yang diperlukan untuk keperluan vaksinasi).

Katanya, perkara itu boleh dirujuk melalui laporan berita dari negara tersebut, *business-times.com* yang boleh dicapai menerusi <https://www.business-times.com.sg/government-economy/over-s1b-to-secure>

enough-vaccines-by-q3-2021-all-citizens-long-term-residents-to.

Selain itu, CITF turut memaklumkan, Amerika Syarikat (AS) telah melaporkan bahawa mereka membayar sejumlah AS\$1.95 bilion (RM8.07 bilion) untuk 100 juta dos vaksin Pfizer.

Laporan itu boleh dirujuk menerusi laporan agensi berita antarabangsa *Reuters*, yang

boleh dicapai di <https://www.reuters.com/article/amp/idUSKC-N24N119>

Justeru, katanya, berdasarkan maklumat-maklumat tersebut, perolehan bekalan vaksin Malaysia adalah adil dan lebih kompetitif daripada negara lain.

“Kami telah membuat laporan polis terhadap Irwan Sanei kerana menyebarkan berita palsu,” katanya.